

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

### TERMA DAN SYARAT

#### Penganjur dan Kelayakan

1. **“Jom! MyDebit Je dengan Kad ATM Anda dan Menang (“Peraduan”)** ini dianjurkan bersama oleh Tunas Manja Sdn Bhd (No. Syarikat: 198701007985) (166702-T) (**“TMG”**) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D) (**“PayNet”**) (dirujuk secara sebagai **“Pihak Penganjur”**)
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang memegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik [**“ATM”**] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah layak untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini [**“Peserta”**]. Peserta juga mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
  - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan / atau
  - Wakil, pekerja dan / atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan / atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri].

#### Tempoh Peraduan dan Kriteria Penyertaan

4. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2022 (tarikh peraduan bermula), 12.01AM hingga 31 Disember 2022 (tarikh tamat peraduan), pada pukul 11.59PM (Waktu Malaysia) [**“Tempoh Peraduan”**]**
5. Sebarang penyertaan yang dihantar selepas Tempoh Peraduan tidak akan diterima dan dianggap tidak sah. Peserta perlu menghantar penyertaan beserta dengan resit pembayaran dalam tempoh peraduan.
6. Hanya pembayaran atau transaksi dilakukan menggunakan kad ATM MyDebit layak untuk menyertai Peraduan ini.
7. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman,

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

campur tangan tanpa izin, penipuan, masalah teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, membatalkan, menamatkan, mengubahsuai, atau menggantung Peraduan ini dengan pemberian notis terlebih dahulu.

### Cara Penyertaan

8. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang dibuat semasa Tempoh Peraduan di mana-mana cawangan TMG yang mesti diserahkan dalam mana-mana cara berikut.

- **Cara Penyertaan 1: melalui WhatsApp**

- Hantar penyertaan anda melalui aplikasi Whatsapp ke nombor **+6019 9144 413** dalam format berikut:-  
**MyDebit <jarak > Nama Penuh <jarak> Nombor Kad Pengenalan**
- Peserta akan mendapat balasan mesej dengan pautan URL ke laman web Peraduan (soalan Peraduan, Notis Privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
  - i) Daftar / Log masuk di laman web Peraduan;
  - ii) Ambil gambar resit pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
  - iii) Jawab soalan Peraduan dan muat naik Bukti Pembelian;
  - iv) SIMPAN: Resit Pembelian (Asal).
- Peserta akan menerima maklum balas dalam tempoh 48 jam selepas penghantaran.
- Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:-
  - a. Maklumat Peserta (mengikut kad pengenalan)
  - b. Gambar Bukti Pembelian yang jelas
- Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
- Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM50 dan ke atas secara tanpa sentuh di dalam satu slip transaksi akan diberikan SATU (1) nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu penyertaan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan ). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta)

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

- **Cara Penyertaan (2): Melalui Imbasan Kod QR**
    - Imbas kod QR dan ikuti pautan arahan penyemak imbasan ke laman web Peraduan:
      - i. Daftar / Log masuk di laman sesawang Peraduan;
      - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
      - iii. Jawab soalan Peraduan dan muat naik Bukti Pembelian;
      - iv. SIMPAN: Bukti Pembelian (Asal).
    - Peserta akan menerima maklum balas penerimaan dalam tempoh 48 jam selepas penyertaan.
    - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat berikut:-
      - i. Maklumat peserta (mengikut kad pengenalan)
      - ii. Gambar Bukti Pembelian yang jelas
    - Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
    - Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM50 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi akan diberikan SATU (1) nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu penyertaan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta)
  - Pemegang kad TMGChup atau kad ahli MyTunas layak mendapat 2 kali peluang penyertaan dalam satu resit secara automatik.
9. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran RM50 dan ke atas menggunakan kad ATM MyDebit secara tanpa sentuh) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih daripada SATU (1) kali.

Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta telah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini. **Pemilihan**

**Pemenang**

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

10. Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah dan/atau Penebusan Baucar Segera sahaja tanpa mempertimbangkan kuantiti borang yang dihantar kepada pihak Penganjur.
11. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut:-
  - Pemilihan Pemenang Hadiah: Pada akhir Tempoh Peraduan, Pemenang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan keseluruhan yang sah yang diperolehi dalam Tempoh Peraduan [**“Peserta Yang Terpilih”**].
12. Pemenang Yang Terpilih akan dihubungi oleh Pihak Penganjur berdasarkan butiran maklumat yang diberi sewaktu penghantaran borang penyertaan.
13. Selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya Peserta Yang Terpilih tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan setiap hari selama tiga (3) hari berturut-turut (pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab soalan dengan tepat, Penganjur berhak melucutkan kelayakan Peserta Yang Terpilih tersebut dan Penganjur berhak untuk menghubungi Peserta yang dipilih daripada cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang terpilih tersebut sebagai Pemenang mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.
14. Semua Pemenang (jika perlu) dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah yang akan diumumkan dari semasa ke semasa. Segala kos perbelanjaan termasuk kos pengangkutan dan penginapan untuk mengambil hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang. Lokasi dan tarikh upacara akan diumumkan oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa.
15. Pihak Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan tempat penyampaian hadiah yang telah ditetapkan kepada suatu tarikh lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur seandainya berlaku sebarang kejadian di luar jangkaan.
16. Hadiah hendaklah dituntut sendiri oleh Pemenang. Tiada agen atau wakil untuk Pemenang dibenarkan untuk mewakili Pemenang untuk menuntut hadiah. Sekiranya Pemenang gagal menghadirkan diri ke majlis penyampaian hadiah, kelayakan Pemenang akan terbatal secara serta merta dengan notis.

# **TMG MYDEBIT CONTEST**

## **Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win**

1 Oktober– 31 Disember 2022

17. Peserta dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
18. Pihak Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tamat Tempoh Peraduan dan Pihak Penganjur akan membuat pengumuman dan menyiarkan nama-nama Pemenang di platform laman sosial pihak Penganjur (laman web rasmi, laman Facebook & akaun rasmi WeChat).
19. Pihak Penganjur boleh menyingkirkan dan / atau membatalkan mana-mana Peserta dan / atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penyertaan Peraduan, pelaksanaan Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan mengikut budi bicara tunggal dan mutlak.
20. Semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur termasuk tetapi tidak terhad senarai pendek, pemilihan Pemenang dan berkaitan pelucutan hadiah berhubungan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan, surat-menyurat, atau pertanyaan tidak akan dilayan oleh pihak Penganjur.
21. Melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini, segala perkara berkaitan penukaran atau penggantian, atau modifikasi bagi hadiah adalah tidak dibenarkan.

### **Hadiah Peraduan**

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

Jenis Hadiah	Hadiah	No. Pemenang
Hadiah Utama	Perodua Ativa 1.0 Turbo H (CVT) (Tidak termasuk cukai jalan, kos pendaftaran dan insuran/takaful)	1
Hadiah Pertama	Pembelian barangan runcit bernilai RM6,000 sepanjang tempoh 1 tahun (RM500 x 12 Bulan)	5
Hadiah Kedua	Modenas Kriss 110 (2021) (Tidak termasuk cukai jalan kos pendaftaran dan insuran/takaful)	10
Hadiah Saguhati	TMG <i>Gift Card</i> bernilai RM500	20

22. Sejumlah tiga puluh enam (36) Hadiah Peraduan untuk dimenangi.

23. Gambar / Imej bagi hadiah yang dipaparkan menerusi iklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk ilustrasi sahaja dan tidak menggambarkan kepada warna sebenar hadiah.

24. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur, agensi, ahli gabungan, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya.

25. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung semua kos perbelanjaan/yuran yang tidak terhad kepada insurans, cukai jalan dan mana-mana cukai lain yang berkenaannya.

### **Menang Segera – Penebusan Baucar Segera**

26. Pembelian minimum RM50 dalam satu resit melalui transaksi menggunakan kad ATM MyDebit secara tanpa sentuh di mana-mana cawangan TMG dan berpeluang untuk memenangi baucar tunai sehingga RM20.

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

28. Nilai baucar (Denominasi daripada RM2, RM3, RM5, RM10, RM20) akan tertera pada resit secara rawak kepada siapa cepat dia dapat dan bergantung kepada ketersediaan baucar tunai.
29. Baucar sah untuk ditebus untuk pembelian seterusnya di mana-mana cawangan TMG.
30. Baucar hanya sah 30 hari dari tarikh baucar ini dikeluarkan.
31. Baucar tunai tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dalam bentuk wang tunai dan hanya boleh digunakan untuk pembelian seterusnya.
32. Jika nilai pembelian adalah kurang daripada nilai Baucar Hadiah, tiada sebarang baki akan diberikan. Sebaliknya, jika nilai pembelian melebihi daripada nilai Baucar Hadiah, maka pemenang Baucar Hadiah harus menanggung baki perbezaan tersebut.
33. Baucar Hadiah yang tulen diterima pakai. Segala Baucar Hadiah yang telah dipindah milik, rosak dan di buat salinan tidak akan diterima.
34. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas segala kerugian atau kerosakan Baucar Hadiah dan tiada pampasan akan diberikan.

### Hak Pihak Penganjur

35. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur menggunakan dan menyiarkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, publisiti dan/atau untuk apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu, bayaran royalti atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Pemenang/Peserta adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.
36. Pihak Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa sahaja berhak untuk meminda, menambah atau memadam Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan pemberian notis.
37. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, dan Bahasa Melayu, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
38. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Pihak Penganjur untuk

# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

mengumpul, menyimpan dan memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.

39. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.

### Liabiliti dan Tanggungjawab

40. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat daripada penyertaan dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah tersebut.
41. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur tidak akan menanggung sebarang liabiliti, kejadian yang tidak dingini, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami dalam sebarang situasi yang melibatkan pihak ketiga atau Peserta, semasa atau selepas Peraduan ini.
42. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Peraduan ini dan semua keputusan pihak Penganjur.
43. Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

### Notis Privasi

44. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ["**Data Peribadi**"] untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.



# TMG MYDEBIT CONTEST

## Jom! MyDebit Je with Your ATM Card and Win

1 Oktober– 31 Disember 2022

45. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta setuju dan memberikan kuasa hak mutlak kepada bank untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi kepada Pihak Penganjur termasuk untuk tujuan menjalankan peraduan ini dan tidak terhad kepada pemilihan pemenang (Jika ada).
46. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
47. Dalam bidang kuasa undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuklah:-
- a. Hak untuk menarik balik kebenaran menggunakan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan berhubung dengan Pihak Penganjur di laman web Pihak Penganjur beralamat [www.tunasmanja.com](http://www.tunasmanja.com) untuk pemindahan Data Peribadi yang dinyatakan;
  - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Pihak Penganjur; dan
  - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
48. Peserta harus mengunjungi laman web Pihak Penganjur di [www.tunasmanja.com](http://www.tunasmanja.com) berkaitan dengan maklumat perlindungan Data Peribadi atau hak undang-undang.
49. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi adalah selamat, dan tindakan yang sama juga harus dilakukan oleh pihak ketiga. Walaubagaimanapun, Pihak Penganjur akan mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
50. Semua Data Peribadi yang berkenaan dengan Peraduan ini haruslah di bawah kawalan undang-undang dan ditadbir mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan juga undang-undang Malaysia lain yang berkaitan.

[TAMAT]